

Khidmat sosial jalin ukhuwah

TELOK DATOK - Ecoworld Gallery and Sanctuary berhasrat menjadikan aktiviti khidmat sosial bersama mana-mana rumah anak yatim sebagai salah satu aktiviti kemasyarakatan mereka setiap tahun.

Pengurus Besar Divisyen Bahagian Perhubungan, Datin Natrah Abdullah berkata, beliau yang berpeluang beramah mesra dengan penghuni Rumah Amal Raudhatul Jannah (RARJ) menyifatkan peluang itu sebagai usaha menceriai anak-anak supaya mereka dapat menikmati kehidupan seperti orang lain.

Pihaknya turut menyampaikan sumbangan cek RM10,000 kepada pertubuhan itu bagi kegunaan penghuniannya selain meringankan beban pihak pengurusan bagi mendapatkan dana untuk keperluan mereka.

"Program khidmat sosial ini menjalinkan hubungan keluarga di antara kakitangan Ecoworld dengan masyarakat selain berhajat mengadakan



Zawalajam (kanan) menerima replika cek daripada pihak Ecoworld dan EcoSanctuary.

lawatan susulan ke Rumah Amal Raudhatul Jannah pula.

"Kami akan turun padang bersama beberapa kakitangan untuk tinjau sendiri suasana pemerluan anak-anak supaya kami terus peka dengan masyarakat sekeliling selepas berjumpa buat kali pertama dalam sesuatu program," katanya.

Beliau turut menyampaikan duit raya kepada 20 penghuni Rumah Amal Raudhatul Jannah. Menurutnya, beliau me-

Jannah yang hadir Rumah Terbuka Aidilfitri Ecoworld Gallery and Eco Sanctuary bersama MDKL dan Rumah Amal Raudhatul Jannah di Dewan Sri Jugra, semalam.

Sementara itu, Pengurus Besar RARJ, Zawalajam Mashod berkata, beliau berterima kasih kepada pihak Ecoworld dan Eco

Sanctuary yang memilih RARJ untuk program khidmat sosial.

Menurutnya, beliau me-

ngakui pihaknya masih memerlukan dana bagi menguruskan penghuni rumah berkenaan selain keperluan harian.

"Bila ada syarikat korporat macam ni yang prihatin, saya bersyukurlah kerana sedikit sebanyak membantu meringankan beban kami."

"Saya puji kesungguhan mereka dan khidmat sosial ini tidak terhenti setakat ini dan akan berterusan," katanya.

Bawa pinggan, cawan sendiri

BANTING - Orang ramai dijemput hadir meriahkan Majlis Jarmuan Hari Raya Aidilfitri MDKL 2016 pada 29 Julai 2016 ini bermula jam 3 hingga 5 petang di pekarangan Ibu Pejabat Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Yang Diperintuanya, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, MDKL akan melaksanakan kempen bagi menggalakkan penggunaan bahan yang boleh diguna semula dalam usaha mengelakkan pelbagai pencemaran berlaku.

Sehubungan itu, orang ramai disarankan membawa peralatan seperti pinggan dan cawan sendiri bagi menyokong inisiatif tersebut.

"Gerajuan peralatan (set pinggan, cawan dan sudu plastik) juga akan dibuka bagi kemudahan orang ramai," katanya.

MOHD AZHAR

Saipol berjaya ternak 800 lembu

Penternak muda itu berhasrat jadikan ladang ternakannya sebagai pusat latihan untuk PPK

KUALA LANGAT

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M Saravanan, berhasrat menjadikan projek ternakan lembu yang diusahakan seorang usahawan dari daerah ini sebagai contoh untuk menarik minat lebih ramai belia aktif menjana ekonomi masing-masing.

Menurutnya, beliau yang memfokuskan ekonomi belia berharap pengalaman usahawan muda itu mampu menambah baik modul latihan sekali gus berkontribusi maklumat dengan usahawan lain.

"Saya nampak usahawan ini merancang segala aktiviti dalam bidang penternakan secara teratur dan diusahakan di ladang sejak 20 tahun lalu.

"Saya nak jadikan contoh ini sebagai kriteria penting dalam usaha melahirkan usahawan belia bidang penternakan tanpa rasa malu," katanya pada lawatan kerja ke ladang ternakan lembu milik Saipol Azimir di Kampung Endah.

Saravanan bersama pelbagai pihak termasuk wakil Lembaga Pertubuhan Peladang



Saravanan pada lawatan kerja ke ladang ternakan lembu milik Saipol Azimir di Kampung Endah.

berkesempatan melihat proses penternakan yang dijalankan sehingga berjaya mewujudkan sebuah program latihan yang dirancang untuk jangka masa panjang.

Beliau berkata, lawatan itu sebagai gerak kerja kerementeriannya untuk memberi penambahan input berdasarkan pengalaman usahawan luar bandar yang telah berjaya

pada usia muda.

Bagi Saipol Azimir, 32 pula, dia tidak pernah terfikir dapat menternak kira-kira 800 lembu sehingga kini.

Menurutnya, pengalaman yang diperoleh sejak 20 tahun lalu mengajarnya untuk tidak lokes ilmu dalam bidang penternakan.

"Daripada orang biasa yang datang ke ladang ini

minta tunjuk ajar sehingga timbalan menteri, saya sanggup Kongsi maklumat.

"Saya mula ceburi bidang ni sejak umur 12 tahun dan tahun lepas saya berjaya mendapat Johan Peladang Jaya Peringkat Kebangsaan. Itu dah cukup membanggakan saya," katanya.

Dia yang menternak lembu tempatan, berhasrat men-

jadikan ladang ternakannya sebagai pusat latihan dan membekalkan modul latihan yang telah disediakan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat bagi menarik minat usahawan baharu.

Sementara itu, Penggerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, pihaknya akan membantu usaha-

wan seperti Saipol Azimir dari segi modul latihan dan pasaran sekali gus inisiatif timbalan menteri yang berhasrat turun padang itu benar-benar mengejutkan.

Beliau berkata, ia peluang kepada PPK Kuala Langat mempromosikan usahawan yang ada sekali gus menjadi contoh dalam masyarakat dengan pengalaman yang diperoleh sejak kecil lagi.

"Bagaimanapun, kita masih ada beberapa masalah yang perlu diselesaikan termasuk permohonan sambungan elektrik tiga fasa yang telah dipohon tetapi belum mendapat maklum balas selain kekangan kawasan akibat pembangunan dan makanan ternakan masih tidak mencukupi perlu diambil perhatian."

"Bagaimanapun, antara program latihan yang diwangkan PPK termasuklah Program Latihan Lembu Integrasи dan Fidlot, Program Latihan Pembiakaan Lembu secara permanian berdasar dan Program Latihan Kambing dan Biri-biri," katanya.